



NEGERI BRUNEI  
UNDANG2 No. 3 TAHUN 1967  
UNDANG2 PEMELIHARAAN BUKU2, 1967

Beta bersetuju,



OMAR ALI SAIFUDDIN  
*Sultan.*

Satu Undang2 untok mengadakan syarat mengenai penyimpanan dan pemeliharaan naskah2 buku2 yang di-chetak dan di-terbitkan dalam Brunei dan mem-persyaratkan hal2 yang berkaitan dengan-nya.

[ ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri saperti berikut :—

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai **Undang2 Pemeliharaan Buku2, 1967.**

Tafsir.

2. Dalam Undang2 ini kechuali jika maksudnya berkehendakkan maana yang lain —

“buku2” termasuk setiap bahagian buku2, laporan, risalah, majallah, surat khabar, lambaran surat bertiap (letterpress) lambaran kertas musik, peta, pelan, peta perkapalan atau jadual yang di-siarkan berasingan, tetapi tidak akan termasuk sebagai penerbitan buku kali yang kedua atau berikut-nya melainkan penerbitan tersebut mengandongi tambahan2 atau perubahan2 sama ada mengenai surat bertiap (letterpress) atau mengenai peta2, chatatan2 atau lain2 gambar ukiran yang berthabit dengan-nya;

“Pengarah” bermaana Pengarah Muzium Brunei.

Menghantar naskah2 buku2 yang di-terbitkan di-Brunei.

3. (1) Penerbit tiap2 buku yang di-terbitkan di-Brunei (sama ada untuk di-jual atau sebak-nya) hendak-lah, dalam masa sa-bulan selepas penerbitan itu, menghantar dengan perbelanja'an-nya sendiri, tiga naskah buku itu kepada Pengarah.

(2) Naskah2 yang di-kehendaki untuk di-hantar menurut bab ini hendak-lah naskah2 bagi keseluruh buku itu berserta semua peta dan gambar yang berthabit dengan-nya, dan mengenai dengan naskah2 yang di-kehendaki untuk di-hantar menurut cheraian (1), hendak-lah di-siapkan dan di-warnakan sechara yang sama saperti naskah sehabis baik bagi buku yang di-terbitkan itu dan hendak-lah di-jilid, di-jahit atau di-sembat bersama2, dan dengan menggunakan kertas yang sehabis baik di-atas mana buku itu di-chetak.

(3) Jika sa-saorang penerbit gagal menghantar sebarang buku yang di-kehendaki oleh bab ini untuk di-hantar maka dia akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman dengan sebanyak tidak lebeh dari satu ribu ringgit dan harga buku atau buku2 yang gagal di-hantar-nya; dan harga tersebut hendak-lah di-bayar kepada yayasan atau yayasan2 kepada mana buku atau buku2 itu seharusnya di-hantar.

r buku2  
telah  
dihantar.

4. (1) Pengarah hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya di-simpan suatu daftar bagi semua buku yang di-hantar menurut bab 3; dan daftar itu hendaklah mengandungi butir2 buku2 yang telah di-hantar itu sebagaimana yang boleh di-tentukan.

(2) Pengarah hendaklah seberapa segera yang dapat selepas tiap2 suku tahun menyiarkan atau menyebabkan supaya di-siarkan butir2 yang dimasukkan ke-dalam daftar di-ruangan selepas ruangan tarikh penerbitan; dan Pengarah hendaklah memberi kepada mana2 orang yang membuat permohonan untuk tujuan tersebut suatu naskah penerbitan itu.

peraturan2.

5. Sultan dalam Majlis Mesuarat boleh membuat peratoran2 —

- (a) untuk mempersyaratkan bagi penggunaan buku2 yang di-hantar menurut bab 3(1);
- (b) untuk mempersyaratkan bagi bayaran2 yang akan di-kenakan mengenai sebarang penerbitan yang di-beri menurut bab 4 oleh Pengarah dan syarat2 menakala pembayaran bayaran2 tersebut boleh di-kechualikan;
- (c) untuk menentukan sebarang apa yang di-kehendaki untuk di-tentukan di-bawah Undang2 ini; dan
- (d) bagi mengechualikan sebarang jenis buku2 dari kuat-kuasa keseluruh atau mana2 bahagian Undang2 ini.

gong-  
jawab2 ada-  
sebagai  
tambahan  
kepada  
undang-  
undang2  
tersebut  
ini.

6. Tanggong-jawab2 yang di-kenakan ke-atas sa-saorang penerbit oleh Undang2 ini adalah sebagai tambahan dan bukan-nya sebagai mengganti sebarang tanggong-jawab2 lain mengenai penghantaran buku2 yang di-terbitkan di-Brunei kepada mana2 yayasan lain, menurut sebarang Undang2 bertulis yang lain yang masih berkuat-kuasa pada masa ini.

Pemakaian-nya  
terhadap  
Kerajaan.

7. Undang2 ini akan di-pakai terhadap buku2 yang di-chetak oleh Penchetak Kerajaan kerana dan bagi pihak Kerajaan Brunei dan terhadap buku2 yang di-chetak oleh mana2 Jabatan Kerajaan.

Di-luluskan pada 18hb January, 1967.

PG. HJ. ABDUL RAHMAN  
*Juru Tulis*  
*Majlis Meshuarat Negeri,*  
*Brunei.*